



Yang Berhormat

Dato Seri Setia Haji Awang Abd Mokti bin Haji Md Daud

**Menteri Di Jabatan Perdana Menteri**

**Selaku Ahli Lembaga Pengarah, AMBD**

**TEKS UCAPAN**

**SEMINAR SEMPENA PENUBUHAN AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM  
[AMBD] KE-10 TAHUN [2011-2021]**

**23 JUN 2021**

**THE RIZQUN INTERNATIONAL HOTEL, GADONG**

Bismillah Hirrahmaan Nirrahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Ambiya  
E'Walmursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee  
Ajma'een, Waba'du

Yang Mulia

Dyg Hajah Rokiah binti Haji Badar

Pengarah Urusan Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Yang Berhormat

Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Yang Mulia

Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap,

Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan,

Para Jemputan hadirin-hadirat yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadirat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmatNya, kita diberikan peluang untuk mengadakan seminar yang julung-julung kali diadakan pada pagi ini bersempena Ulangtahun Penubuhan Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ke Sepuluh Tahun. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada pihak AMBD kerana menjemput saya selaku tetamu kehormat dan sekaligus untuk menyampaikan ucapan dalam seminar ini.

All praise and gratitude to Allah Subhanahu wa Ta'ala, with His blessing, we are given the opportunity today to hold the inaugural seminar in conjunction with the 10th anniversary of the Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD). My sincere appreciation to AMBD for inviting me as the guest of honor and giving me the privilege to deliver the keynote address this morning.

2. Saya difahamkan bahawa pemikiran awal bagi mewujudkan bank pusat telah dibincangkan sedari awal lagi setelah Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984. Sebagai persiapan ke arah tersebut, beberapa buah jabatan dan bahagian telah ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan. Misalnya, Lembaga Matawang dan Monetari Brunei telah diberikan mandat untuk mencetak matawang Brunei dan memastikan kestabilan monetari. Manakala, Bahagian Institusi Kewangan dan Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei bertanggungjawab dalam perlesenan dan penyeliaan institusi-institusi kewangan di negara ini serta syarikat-syarikat perniagaan antarabangsa.

The concept of a central bank had been considered since the early days after our Nation's independence in 1984. In preparation of this move, several departments and divisions were established under the Ministry of Finance to form the basis of a central bank. The Brunei Currency and Monetary Board, for instance, was in charge with issuing Brunei Darussalam's currency and ensuring monetary stability. While, the

Financial Institutions Division and the Brunei International Financial Centre were respectively responsible for the licensing and supervision of financial institutions and international business companies.

3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Pujia Usia Baginda yang ke-64 tahun pada 15 Julai 2010, juga telah berkenan mengurniakan titah bagi penubuhan AMBD bermula 1 Januari 2011. Baginda menitikberatkan kepentingan penubuhan sebuah autoriti monetari yang akan menerajui lanskap kewangan di Negara Brunei Darussalam, seiring dengan amalan terbaik antarabangsa. Ini bermakna AMBD diberi amanah dan tanggungjawab terhadap kestabilan monetari dan kewangan sebagaimana mandat yang dinyatakan di dalam Perintah AMBD, 2010. Maka di sinilah titik permulaan lahirnya sebuah bank pusat yang termuda di rantau ASEAN.

His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam announced the establishment of Autoriti Monetari Brunei Darussalam on 1 January 2011, in his Majesty's Titah during His Majesty's 64th Royal Birthday on 15 July 2010. His Majesty recognised that the establishment of the nation's monetary authority was a significant milestone in Brunei Darussalam's financial landscape and was in line with international best practices. AMBD would be primarily responsible for ensuring Brunei Darussalam's monetary and financial stability as set out in the AMBD Order, 2010. Thus, began the journey of the youngest central bank in ASEAN.

Hadirin dan hadirat sekalian

4. Sejarah dan pengalaman dunia telah mengajar kita bahawa lazimnya, bank pusat berautonomi daripada pengaruh politik dapat membuat keputusan dan memberi impak yang positif kepada masyarakat. Namun, perlu ditekankan bahawa berautonomi di sini bukan bermaksud tidak terikat langsung dengan Kerajaan, tetapi bank pusat seharusnya mempunyai kuasa dan autonomi tertentu dalam membuat keputusan bagi mencapai objektifnya demi kebaikan masyarakat dan ekonomi.

History and experiences around the world have demonstrated that independent central banks free from political influence are able to deliver better outcomes for their citizens. This does not mean that they are independent entirely from their government, rather, it means that the central bank has adequate powers and autonomy to make informed decisions in meeting its set objectives– for the good of the people and the economy.

5. Berdasarkan Perintah AMBD, 2010, AMBD mempunyai empat objektif utama, iaitu:
  - Pertama – mencapai dan memastikan kestabilan harga domestik;
  - Kedua – memastikan kestabilan sistem kewangan dengan mengeluarkan peraturan kewangan dan piawaian yang berhemah;
  - Ketiga – membantu dalam penubuhan dan pengoperasian sistem pembayaran yang cekap serta pemantauannya;
  - Dan terakhir sekali adalah untuk memupuk dan memajukan sektor kewangan yang mapan dan progresif.

AMBD has four main objectives to achieve:

- The first one being – to achieve and maintain domestic price stability;
- Secondly, to ensure the stability of the financial system, in particular by formulating financial regulations and prudential standards;

- Third, to assist in the establishment and functioning of efficient payment systems and to oversee them; and
  - Lastly, to foster and develop a sound and progressive financial services sector.
6. Objektif-objektif tersebut menggariskan tugas dan tanggungjawab AMBD selaku autoriti monetari dan juga sebagai Pihak Berkuasa sektor kewangan. Tugas dan tanggungjawab ini diletakkan di bawah satu bumbung demi mencapai sinergi dan keberkesanan operasi yang maksima.

These objectives outlines AMBD's responsibility to act as a monetary authority as well as the country's financial services authority. These roles have been merged under one organisation to achieve greater synergy and maximise efficiency.

Hadirin dan hadirat sekalian

7. Di bawah pimpinan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD, AMBD telah giat berusaha ke arah menjadi sebuah organisasi yang mempunyai nilai-nilai teras seperti kecemerlangan, integriti, inovasi dan kerja berpasukan.

Under the guidance and wise leadership of His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah ibni His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, the Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office in his capacity as the Chairman of AMBD, AMBD has strived to be an organisation with core values of excellence, integrity, innovation and teamwork.

8. Mengimbas kembali perjalanan AMBD sepanjang 10 tahun ini, AMBD telah menggunakan masa awalnya untuk mengukuhkan dan memantapkan asas dan operasinya, seperti lazimnya dilaksanakan oleh organisasi-organisasi yang baru ditubuhkan. AMBD telah mengutamakan untuk mempertingkatkan sumber-sumbernya, membina urus tadbir yang baik agar lebih telus dan akauntabel, dan pada masa yang sama, menyempurnakan tugas dan tanggungjawab selaras dengan empat objektif utama AMBD.

Like many new organisations, AMBD spent its early days fortifying its foundation and operations. AMBD focused on enhancing resources, putting in place good governance in order to be transparent and accountable; while at the same time working towards in delivering its four objectives.

Hadirin dan hadirat sekalian

9. Seperti yang saya perkatakan tadi, objektif pertama AMBD adalah untuk memastikan kestabilan harga domestik. Mungkin sebilangan kita tidak mengetahui bahawa mata wang kertas, polimer dan duit syiling Brunei yang ada di dompet kita telah dikeluarkan oleh AMBD. Malah, Negara Brunei Darussalam telah mencetak duit syilingnya sendiri sejak tahun 2001 lagi iaitu 20 tahun yang lepas.

As I stated earlier, AMBD's first objective as a monetary authority is to maintain domestic price stability. What many may not be aware, is that the currency notes and coins you have in your wallets are issued by AMBD. In fact, we have been minting our own coins in Brunei Darussalam for over 20 years since 2001.

10. Sebagaimana yang kita sedia maklum juga, nilai mata wang Negara kita disandarkan kepada mata wang Singapura. Ini mampu terhasil dengan adanya kerjasama kewangan dua hala yang sudah lama terjalin di antara

kedua buah Negara melalui Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata wang [atau *Currency Interchangeability Agreement*], yang telah ditandatangani sejak tahun 1967. Perjanjian ini juga telah membolehkan negara kita untuk menikmati kestabilan nilai matawang dan harga sepanjang tempoh lebih lima dekad. Ia juga telah memupuk keyakinan masyarakat terhadap penggunaan mata wang Brunei.

The value of our currency, as most may know, is pegged to the Singapore Dollar - made possible through our long-standing bilateral financial cooperation with Singapore through the Currency Interchangeability Agreement (CIA), which has been in place since 1967. This has led us to enjoy a stable currency and stable prices for more than 50 years, giving the public confidence when using our money.

11. Selain itu, Dasar Lembaga Mata wang [atau *Currency Board Arrangement*] adalah merupakan asas kepada dasar monetari negara kita. Sehingga kini, AMBD masih terus membangun keupayaannya dalam menjalankan tanggungjawab sebagai sebuah bank pusat. Ini termasuk pengurusan rizab matawang sebagai sandaran kepada matawang dalam edaran, peranan sebagai bank dan ejen kewangan kepada Kerajaan; serta menambahbaik operasi monetari dengan memperkenalkan *monetary tools* seperti *Overnight Reference Rate* dan *Overnight Standing Facilities*.

In addition, the Currency Board Arrangement forms the basis of our monetary policy, where, to date, we continue to build on our capacity to carry out central banking responsibilities. This includes managing our currency reserves to back the money in circulation; acting as the banker and financial agent to the government; as well as enhancing our monetary operations by introducing monetary tools, such as the Overnight Reference Rate (ORR) and Overnight Standing Facilities.

Hadirin dan hadirat sekalian



12. *Monetary tools* tersebut tidak mungkin berhasil tanpa adanya usaha keras ke arah pemodenan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian Kebangsaan. Langkah-langkah signifikan yang telah dilaksanakan ke arah ini termasuklah penubuhan Sistem *Real Time Gross Settlement*, *Automated Clearing House* dan *Central Securities Depository*.

These monetary tools could not have been made possible without our prior work in modernising our National Payment and Settlement System [PSS]. These significant steps taken include the establishment of the Real Time Gross Settlement, the Automated Clearing House [ACH], and the Central Securities Depository [CSD].

13. Pengendalian sistem-sistem tersebut adalah secara *back-office* dan kemudahan-kemudahan ini digunakan oleh orang ramai secara tidak langsung. Prasarana pembayaran tersebut membolehkan pembayaran untuk dilaksanakan dengan lebih cepat dan efisien, seterusnya memberi kesan yang positif kepada individu dan perniagaan di negara ini. Tambahan lagi, sistem pembayaran ini adalah asas penting yang mendokong perkembangan sektor pasaran modal, menggalakkan ekonomi e-pembayaran, serta memupuk integrasi ekonomi serantau dan antarabangsa.

These are back office systems and facilities that most people use indirectly on a daily basis. This payment infrastructure play a key role in enabling quick and efficient payments that have benefited households and businesses in our country. On top of this, these payment systems are fundamental in supporting the development of our capital market, promote e-payment economy, and foster international and regional economic integration.

Hadirin dan hadirat sekalian,

14. AMBD juga memainkan peranan utama dalam memastikan kestabilan dan mendokong pembangunan sektor kewangan. Dalam mengimbangi penyeliaan dan pembangunan sektor kewangan, AMBD menyedari perlunya untuk mendorong inovasi dan persaingan di sektor kewangan demi menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Sektor kewangan yang teratur dan stabil juga pasti mampu menarik minat pelabur-pelabur asing ke Negara Brunei Darussalam.

AMBD places an important role in ensuring financial stability and supporting the development of the financial sector. In balancing the supervision and development of the financial sector, AMBD recognises the importance of supporting innovation and competition in the financial sector in encouraging economic growth. A well-regulated and stable financial sector helps to attract businesses to Brunei Darussalam.

15. Sedekad yang lalu, kita juga telah menyaksikan perubahan besar di dalam landskap sektor kewangan. Dalam menghadapi perubahan-perubahan ini, AMBD telah mengambil iktibar daripada Krisis Kewangan Global 2008. Oleh itu, AMBD mengamalkan penyeliaan berdasarkan risiko dan berkerjasama secara proaktif bersama pihak industri kewangan dalam usahasama untuk memastikan kestabilan kewangan.

Over the past decade, there has been massive transformation in the financial sector landscape. As we navigate through these changes, AMBD had adopted lesson from The 2008 Global Financial Crisis. In this regard, AMBD has adopts a risk-based supervisory approach and works proactively with other financial industry players with a collective view to ensure the stability of the financial system.

16. AMBD juga gigih berusaha untuk menjaga dan melindungi integriti sektor kewangan dan reputasi Negara ini daripada ancaman jenayah kewangan melalui Unit Perisikan Kewangan AMBD. Unit ini bertindak

selaku Urusetia kepada Jawatankuasa Kebangsaan Bagi Membanteras Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Penganasan yang membolehkan AMBD menyokong koordinasi bersama agensi-agensi penguatkuasaan dan agensi-agensi Kerajaan yang berkepentingan. Unit ini juga menyelia kepatuhan institusi-institusi kewangan dan perniagaan bukan kewangan terhadap keperluan pembersihan wang haram dan pembiayaan penganasan Negara Brunei Darussalam.

AMBD has also been working continuously to uphold and protect the integrity of our financial sector and the reputation of our country to from the threat of financial crimes through the Financial Intelligence Unit, AMBD. FIU's role as the Secretariat to the National Anti-Money Laundering Committee (NAMLC) enables AMBD to support national coordination with law enforcement agencies and relevant government agencies. The FIU also has a role in improving overall compliance of financial institutions and designated non-financial businesses to Brunei Darussalam's anti-money laundering and combatting of terrorist financing (AML/CFT) framework.

17. Alhamdulillah, inisiatif-inisiatif Unit ini telah mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila telah berjaya merangkul anugerah *Best Egmont Case Award* pada tahun 2020. Kejayaan ini mencerminkan kemampuan AMBD sebagai sebuah organisasi yang masih muda untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit melalui kerjasama dengan agensi-agensi tempatan dan antarabangsa. Syabas dan tahniah diucapkan.

Alhamdulillah, I am happy to share that in 2020, FIU won the Best Egmont Case Award (BECA). We take pride in this achievement as it shows our young organisation's capability to successfully execute cases through efficient and coordinated action with other domestic and international agencies. I convey my congratulations to AMBD.

Hadirin dan hadirat sekalian,

18. Membangun dan mentransformasikan sektor kewangan bukanlah tugas yang mudah. AMBD Financial Sector Blueprint (FSBP) 2016-2025 menggariskan aspirasi AMBD untuk membina sektor kewangan yang dinamik dan berpelbagai yang dapat menyumbang kepada ekonomi negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035. FSBP telah mengkategorikan lima perkara utama yang menunjukkan strategi dan dasar AMBD. Alhamdulillah, sukacita saya mengongsikan bahawa sebahagian besar dasar yang terdapat di dalam FSBP telah berjaya dicapai iaitu hasil kerjasama AMBD bersama pihak industri kewangan dan pihak-pihak yang bekepentingan.

Developing and transforming a financial sector is not an easy task. AMBD's Financial Sector Blueprint (FSBP) 2016-2025 outlines AMBD's aspirations for a Dynamic and Diversified Financial Sector to help achieve the overarching goal of a dynamic and sustainable economy under Wawasan Brunei 2035. FSBP lays out the five pillars which reflects AMBD's broad strategies and policy directions. Now in its 6th year, I am pleased to share that with close cooperation with the industry and other stakeholders, many of these policy directions have already been achieved.

19. Penerbitan "*Digital Payment Roadmap for Brunei Darussalam (2019 - 2025)*" pada tahun 2018 dan kertas putih yang bertajuk "*The State of FinTech in Brunei Darussalam*" pada tahun 2020 mendokong aspirasi negara untuk merealisasikan visi ekonomi digital. Pada masa yang sama, AMBD juga sedang menerokai inovasi berkaitan kewangan hijau dan impaknya kepada kestabilan kewangan.

The publication of "*Digital Payment Roadmap for Brunei Darussalam (2019 -2025)*" in 2018 and the White paper on "*The State of FinTech in Brunei Darussalam*" in 2020 by AMBD aims to aid in realising the country's

aspiration of a digital economy. At the same time, AMBD continues to explore innovations related to green finance and its impact on financial stability.

20. Dalam mengatur arah dan kedudukan AMBD di arena antarabangsa, AMBD aktif menjalinkan hubungan kerjasama strategik dengan bank-bank pusat dan autoriti monetari antarabangsa, melalui pemeteraian memorandum persefahaman dan aktif terlibat dalam mesyuarat-mesyuarat ASEAN dan badan-badan organisasi antarabangsa. AMBD juga telah menjadi pengerusi mesyuarat-mesyuarat antarabangsa seperti ASEAN Central Bank track, Islamic Financial Services Board Council (IFSB), The South East Asian Central Banks (SEACEN) Research and Training Center dan lain-lain.

In building our profile and position in the international arena, AMBD continues to build strategic partnerships with other central banks and monetary authorities internationally, through the signing of memoranda of understanding and active participation in ASEAN meetings and international bodies. AMBD has also had the privilege to chair international meetings such as the ASEAN Central Bank track, Islamic Financial Services Board Council (IFSB), The South East Asian Central Banks (SEACEN) Research and other Training Centers.

Hadirin dan hadirat sekalian,

21. Di kesempatan ini, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kepada Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD, di atas kepimpinan

Duli Yang Teramat Mulia yang bijaksana dan strategik sejak tertubuhnya AMBD.

At this juncture, I would like to express my sincere gratitude to His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah ibni His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, the Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office in his capacity as the Chairman of AMBD on his wise and strategic leadership since the establishment of AMBD.

22. Saya ingin juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD, Pengarah-Pengarah Urusan dan warga AMBD yang terdahulu dan sekarang, yang mempunyai peranan yang kritikal dan telah menyumbang secara positif ke arah pencapaian AMBD sehingga kini.

I would like to take this opportunity to express my sincere gratitude to current and past members of AMBD's Board of Directors, managing directors and staff who have been integral to AMBD's journey and who have made a positive impact to the organisation until today.

23. Akhirnya, tidak lupa juga, kepada kesemua pihak yang telah menyumbang ke arah kejayaan AMBD sejak penubuhannya. AMBD tidak akan mampu berdiri sendiri tanpa kerjasama dan sokongan daripada pihak-pihak berkepentingan. Saya berharap kerjasama ini akan berterusan demi menyumbang bakti kepada raja, masyarakat, agama dan negara .

Lastly, I would like to thank those who have made our ten years journey a successful one. Indeed, AMBD could not have done it alone. I sincerely hope that in the coming decades, we will continue to work together in performing our duties with a view to contributing to a better Brunei Darussalam.

Terima kasih.

Thank you

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.